

# Dokumen pelan antirasuah PDRM perkukuh integriti

Enam teras rangkumi proses pengurusan sumber manusia

Oleh Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melancarkan 'Dokumen Pelan Antirasuah (PDRM) 2020-2024' untuk semua pegawai dan anggotanya dalam usaha memperkukuhkan integriti dalam kepolisian dengan memberi penekanan kepada isu rasuah dan masalah disiplin.

Pelan induk untuk tempoh empat tahun bermula tahun ini hingga 2024 itu penting bagi menangani segala isu dalaman PDRM, terutama rasuah yang banyak membelenggu kebelakangan ini.

Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Datuk Zamri Yahya, berkata selain isu rasuah, ia juga menekankan isu pentadbiran yang perlu dipraktikkan secara lebih mendalam supaya PDRM dapat diurus-

kan dengan baik demi kelestarian prestasi dan perkhidmatan berada pada tahap optimum.

Katanya, dokumen itu amat penting kerana ia selaras dasar kerajaan untuk membebaskan kakitangan kerajaan daripada unsur rasuah.

"Ia bermula daripada rancangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, melalui Rancangan Antirasuah Nasional, yang dilancarkan pada tahun 2018, dan jelas ia satu tindakan yang tepat bagi pasukan PDRM.

"Terdapat enam teras utama perkhidmatan dalam dokumen pelan ini yang merangkumi proses pengurusan sumber manusia yang meliputi latihan setiap pegawai dan anggota serta pengembangan kerjaya mereka," katanya dalam wawancara khas mengenai pelancaran dokumen berkenaan di Bukit Aman, semalam.

Zamri berkata, usaha mewujudkan pelan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu juga adalah satu wadah untuk membasmi sama sekali isu rasuah.

Katanya, antara intipati teras lain ialah menempatkan pegawai dan anggota yang tepat di jawatan

yang betul berdasarkan rekod perkhidmatan mereka.

Sebagai contoh, katanya, Jabatan Pengurusan akan melakukan pemeriksaan ketat terhadap pegawai yang dipertimbangkan untuk jawatan sensitif seperti Ketua Polis Daerah (KPD), pegawai dan anggota Bahagian Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) dan Nar-kotik.

"Ketika pelan ini dilaksanakan, JIPS akan memastikan mereka yang terpilih tidak terdedah kepada penyalahgunaan kuasa serta mudah terbabat dengan sogokan atau rasuah," katanya.

Selain itu, JIPS juga akan memastikan setiap siasatan yang dibuat berdasarkan laporan pengadu serta penugasan serbuan mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan bagi memastikan tahap pendakwaan yang lebih tinggi.

"Teras seterusnya ialah menitikberatkan pelaksanaan tugas bagi menjaga ketenteraman awam dan keharmonian dan yang terakhir, pengurusan dan perolehan kewangan.

"Kami ingin memastikan bahawa ada aset yang mencukupi dan benar-benar bermanfaat untuk se-



Zamri menunjukkan Dokumen Pelan Antirasuah PDRM 2020-2024.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

**Ketika pelan ini dilaksanakan, JIPS akan memastikan mereka yang terpilih tidak terdedah kepada penyalahgunaan kuasa serta mudah terbabat dengan sogokan atau rasuah.**

**Zamri Yahya,  
Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard,  
Bukit Aman**

tiap penugasan yang dilakukan oleh pegawai dan anggota selain berusaha mengelakkan sebarang projek pembangunan bermasalah," katanya.

Usaha pembanterasan elemen rasuah menerusi dokumen pelan ini bakal memberikan impak perbezaan ketara kerana ia membatik semua elemen dalam setiap jabatan pasukan PDRM.

"Kita turut meminta semua pengarah jabatan untuk mengenal pasti masalah dalam jabatan masing-masing seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan mencadangkan cara untuk mengatasinya.

"Keberhasilan rancangan ini akan ditentukan oleh komitmen semua pegawai dan anggota dan JIPS akan berperanan memantau kejayaan dan perkembangan rancangan itu," katanya.